



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

KLUSTER DEMAM SELESEMA DI SEBUAH KILANG DI BANGI BUKAN DISEBABKAN OLEH INFLUENZA A(H1N1)

Kementerian Kesihatan ingin merujuk kepada laporan di dalam beberapa akhbar berbahasa Cina pada 19 Januari 2010 berkaitan dengan kejadian kluster demam selesema di kalangan pekerja di sebuah kilang di Bandar Baru Bangi. Sebaik menerima makluman berkaitan perkara tersebut iaitu bermula pada 18 Januari 2010 (malam), anggota kesihatan di Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah menjalankan siasatan terhadap perkara berkenaan.

Hasil siasatan mendapati seramai 45 daripada 394 orang pekerja kilang tersebut pergi ke 4 buah klinik dan hospital swasta kerana mengalami gejala demam, batuk dan selesema bermula 15 Januari 2010. Mereka telah dirujuk ke klinik dan hospital swasta oleh pihak majikan untuk mendapat rawatan. Ujian yang dijalankan oleh pihak hospital berkenaan mendapati 11 daripada mereka positif terhadap influenza A. Namun begitu ujian pengesahan influenza A(H1N1) yang dibuat oleh makmal rujukan mendapati kesemuanya negatif. Oleh itu kluster ini bukanlah akibat jangkitan virus influenza A(H1N1) tetapi adalah disebabkan oleh virus influenza bermusim (selesema biasa). Jabatan Kesihatan Negeri Selangor masih meneruskan siasatan untuk memastikan tiada jangkitan lain termasuk denggi.

Pemantauan kejadian influenza-like illness yang dijalankan setiap hari oleh pihak Kementerian Kesihatan juga mendapati tiada kejadian kluster akibat jangkitan influenza A(H1N1) pada masa ini. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan supaya tidak bimbang dengan situasi tersebut dan diseru untuk terus mengamalkan langkah-langkah pencegahan jangkitan influenza seperti yang telah diwar-warkan sebelum ini.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

20 Januari 2010